

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)30**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

30. Pusat Dialisis CAT.

- (a) Senaraikan bilangan pesakit yang membuat hemodialisis serta kos operasi untuk sebulan.
- (b) Senaraikan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri mengikut tahun sejak penubuhannya.
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu pesakit buah pinggang yang semakin ramai di Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan hemodialisis?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. (a) Pusat Dialisis CAT yang berdaftar di bawah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) mempunyai 78 orang pesakit sehingga April 2025. Pusat dialisis ini beroperasi dengan kerjasama antara Syarikat B. Braun Sdn. Bhd. dan Pertubuhan Komuniti Chest Pulau Pinang. Segala kos operasi adalah di bawah seliaan Pusat Dialisis CAT sendiri.

- (b) Bagi tahun 2020 hingga tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM147,120.00 kepada Pusat Dialisis CAT Balik Pulau bagi tujuan subsidi pesakit dialisis dengan perincian seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
2020	35,360.00
2021	32,160.00
2022	35,520.00
2023	23,200.00
2024	20,880.00
<b>JUMLAH</b>	<b>147,120.00</b>

- c) Pada tahun 2024, di bawah program RMKe12, RP5, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah menerima sebanyak 3 buah mesin dialisis baharu yang setiap satunya ditempatkan di Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam. JKNPP bersama-sama pihak pengurusan hospital sentiasa memantau kegunaan aset-aset perubatan di hospital dan permohonan ke KKM akan dibuat

sekiranya terdapat keperluan tambahan untuk membantu pesakit buah pinggang.

Berikutan dengan hasil penemuan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (*National Health and Morbidity Survey*) 2023 berhubung dengan kadar diabetik yang merisaukan, Kerajaan Negeri kini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah memulakan usaha Perangi 3S (*War on 3S - Sugar, Salt / Sodium and Smoke*) bagi meningkatkan kesedaran orang awam berhubung situasi kesihatan komuniti. Usaha ini juga diteruskan melalui inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi mempromosikan budaya hidup sihat untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan.